



# EKSPATRIAT: Kepakaran atau ... ?

**7 Konvensyen SPRM  
Penutup Tirai 2015**

**10 Who Should Be Blamed  
Over Political Funding  
Issue?**



# KANDUNGAN

PENA PENGARANG	2
109 Pegawai Baru SPRM Berjaya Tamat Latihan	3
Ekspatriat: Kepakaran Atau ....?	4
CoSP6: SPRM Berkongsi Pengalaman, Jalin Kerjasama Dua Hala	5
Konvensyen Sekretariat Pencegahan Rasuah Kali Kelima Lancar Penubuhan Majlis Eksekutif Sekretariat Pencegahan Rasuah (MESPR)	6
Konvensyen SPRM Penutup Tirai 2015	7
LENSA	8
Who Should Be Blamed Over Political Funding Issue?	10
SPRM dan Pendakwaan Kes Rasuah	12
BERITA NEGERI	14

Dato' Shamshun Baharin bin Mohd Jamil  
Penasihat Eksekutif Editorial

Tahun 2015 bakal melabuhkan tirainya dalam beberapa minggu lagi. Tahun yang mencatat pelbagai cabaran kepada SPRM.

Isu 1MDB, SRC dan dana RM2.6 bilion dalam akaun Perdana Menteri terus mengundang bermacam-macam reaksi masyarakat. Tahun 2015 juga menarik perhatian kita dengan isu alam sekitar di Cameron Highlands, penyelewengan bantuan kepada mangsa banjir dan sebagainya.

Semua isu ini memerlukan SPRM untuk mengambil tindakan yang pantas, berkesan dan memenuhi kehendak rakyat.

Hikmah di sebalik segala cabaran yang dihadapi SPRM ini tidak siapa yang sangka. Kita dapat melihat masyarakat begitu menyokong SPRM dan mengharapkan SPRM terus memberikan khidmat cemerlang dalam usaha pencegahan rasuah.

Cabaran dan dugaan terhadap SPRM tidak pernah mematahkan semangat warganya. Malah, semua ujian itu meningkatkan lagi perasaan cintakan organisasi dan semangat perpaduan dalam kalangan pegawai dan kakitangan SPRM.

SPRM juga amat bertuah kerana ahli-ahli panel dan lembaga yang memantau aktiviti SPRM turut bangkit dan menyatakan sokongan kepada SPRM. Bahkan mereka secara terang-terangan melalui kenyataan media menyelar pihak-pihak yang cuba menghalang SPRM daripada menjalankan tugasnya dengan berkesan.

2016 yang bakal menjelang tiba sudah pasti mempunyai cabaran tersendiri. Seperti agensi lain, SPRM turut menghadapi pengurangan bajet yang agak besar. Namun, pengurusan tertinggi SPRM percaya, warga SPRM bijak menangani permasalahan tersebut dan ia sesekali tidak akan melunturkan semangat kita semua untuk terus memerangi jenayah rasuah.

Ayah semua rakyat Malaysia, kita melangkah bersama, terus maju ke hadapan. Anda boleh lakukan perubahan, **perangi** rasuah! 



## 109 PEGAWAI BARU SPRM BERJAYA TAMAT LATIHAN

Seramai 109 orang pegawai baru Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berjaya menamatkan latihan asas selama setahun di Kompleks SPRM Johor di Johor Bahru. Majlis tamat latihan diadakan pada 11 November 2015.

Uniknya sesi latihan pada kali ini turut disertai oleh 15 kadet yang mengikuti program khas iaitu MACC-CAT (*Chartered Account Training*) iaitu program yang diwujudkan bagi melatih pegawai-pegawai untuk siasatan berkaitan prosedur kewangan dan akaun. Pengambilan pegawai-pegawai ini merupakan salah satu daripada Transformasi SPRM yang sedang dilaksanakan.

Menurut Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Abu Kassim bin Mohamed, kadet-kadet yang terpilih ini terdiri daripada graduan-graduan daripada Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) dan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Mereka juga akan ditempatkan di firma-firma audit terpilih bagi membolehkan mereka memahirkan diri mengendalikan kes-kes berkaitan kewangan dan perakaunan.

Baki 94 pegawai merupakan kadet yang terdiri daripada Kadet Penolong Penguin Gred 29 seramai 82 orang dan Kadet Penguin Gred 41 seramai 12 orang.

Setiap pegawai baru wajib menjalani kursus asas yang dikendalikan oleh Pusat Latihan Asas (PLA), Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) selama setahun. Selepas berjaya menamatkan latihan, mereka akan ditempatkan di Bahagian Siasatan (ibu pejabat SPRM) dan negeri selama tiga tahun untuk membentuk mereka menjadi pegawai penyiasat yang profesional dan berkemahiran tinggi.

Seramai sembilan orang kadet telah terpilih untuk menerima Anugerah Kadet Terbaik pada Majlis Tamat Latihan kali ini. Mereka terdiri daripada:

- 1. ANUGERAH KETUA PESURUHJAYA**
  - Wan Mohd Norhalim bin Zakaria (Kadet P41)
  - Khalled bin Abdul Mobin (Kadet P29)
- 2. ANUGERAH TIMBALAN KETUA PESURUHJAYA (PENGURUSAN DAN PROFESIONALISME)**
  - Mohd Azlan bin Mohd Ali (Kadet P41)
  - Khalled bin Abdul Mobin (Kadet P29)
- 3. ANUGERAH PENGARAH AKADEMI PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA**
  - Wan Mohd Norhalim bin Zakaria (Kadet P41)
  - Yusuf J Langkan (Kadet P29)
- 4. ANUGERAH KOMANDAN PUSAT LATIHAN ASAS MACA (TERBAIK LATIHAN LUAR LELAKI)**
  - Wan Mohd Firdaus bin Wan Yusof (Kadet P41)
  - Suryadi bin Mahmud (Kadet P29)
- 5. ANUGERAH KOMANDAN PUSAT LATIHAN ASAS MACA (TERBAIK LATIHAN LUAR WANITA)**
  - Nurulnadia binti Kamarudzaman (Kadet P41)

Turut hadir menyaksikan majlis ini ialah Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) Dato' Sri Shukri bin Abdull, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan), Dato' Sri Mustafar bin Ali dan Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pengurusan dan Profesionalisme), Dato' Mohd Jamidan bin Abdullah, Pengarah SPRM Negeri dan Bahagian. 

**S**ebagai sebuah negara sedang menuju ke arah negara membangun, Malaysia memerlukan kemahiran tenaga-tenaga pakar yang dibawa masuk dari negara luar. Diakui, kekurangan tenaga pakar sedikit sebanyak merencatkan perkembangan pembangunan negara. Namun, kemasukan terlalu ramai tenaga pakar ini mengundang pelbagai persoalan.

Ekspatriat menurut <https://ms.wikipedia.org/wiki/ekspatriat> bermaksud mana-mana orang atau golongan yang tinggal di negara-negara lain di mana ianya disebabkan kebolehan serta sumbangannya. Dalam penggunaan biasa istilah ini sering digunakan dalam konteks ‘profesional yang diantar ke luar negara oleh syarikat-syarikat mereka’ berbanding dengan kakitangan tempatan yang diupah.

Di Malaysia jumlah ekspatriat yang dibawa masuk mencecah sehingga 2.5 juta orang. Ini bermakna, nisbah keseluruhan tenaga pakar yang dibawa masuk berbanding rakyat Malaysia adalah 1:11.

Namun, benarkah yang dibawa masuk ini tenaga pakar? Jika benar, mengapa terlalu ramai bilangan yang diperlukan bagi mengisi kepakaran dalam bidang-bidang tertentu? Di manakah tenaga-tenaga pakar tempatan yang dilatih di luar negara untuk memenuhi kekosongan tersebut?

Menurut sumber, pengambilan ekspatriat di Malaysia diluluskan oleh agensi pelulus sekiranya calon-calon tersebut berjaya melepassi syarat-syarat yang tertentu. Tiada had bagi pengambilan ekspatriat ini.

Permasalahan yang timbul adalah pengambilan tanpa had untuk ekspatriat ini memberi kesan positif dan negatif kepada keselamatan negara serta sosio-ekonomi tempatan.

Contohnya, pengambilan pakar untuk bidang teknologi maklumat. Kesan positifnya adalah Malaysia menjadi negara yang sentiasa *up to date* berkaitan dengan dunia teknologi dan dunia maya. Malahan dari segi perkembangan semasa, Malaysia antara negara yang bersaing seiring dengan kepantasan negara-negara membangun yang lain.

Walau bagaimanapun, penggunaan tenaga-tenaga pakar ini turut mengundang natijah. Sejauh manakah sistem kawalan keselamatan negara benar-benar terjamin? Umum mengetahui, kebanyakan sistem keselamatan di negara-negara membangun dikawal oleh sistem berkomputer dan sistem ini boleh digodam oleh penggodam yang handal. Apatah lagi jika penggodam itu pernah diambil sebagai tenaga pakar dalam bidang tersebut.

Pengambilan ekspatriat asing juga boleh mengundang kesan buruk kepada ekonomi negara. Banyak ekspatriat yang diambil bekerja di sini akhirnya berkahwin dan mendapat taraf penduduk tetap yang membolehkan

# EKSPATRIAT: KEPAKARAN ATAU....?



mereka membuka perniagaan dan sebagainya. Mereka ini selalunya membuat kiriman wang ke negara asal dan ini menyebabkan aliran wang keluar dari negara meningkat dan pertumbuhan ekonomi negara terbantut.

Lebih memburukkan keadaan, apabila pihak yang bertanggungjawab dalam pengurusan ekspatriat ini tidak mempunyai sistem yang dapat mengesan ekspatriat ini mahupun pengurusan data yang tepat berkaitan ekspatriat. Hal ini membuka peluang dan ruang kepada pelaku rasuah. Sekiranya tidak ditangani, bukan sahaja keselamatan negara yang terjejas bahkan peningkatan dalam pelaku jenayah.

Justeru, tindakan yang lebih efektif dan efisyen diperlukan bagi menyelesaikan permasalahan ini. Setiap ekspatriat perlu ada pengenalan diri supaya mudah dikesan dan setiap data mereka perlu dikemaskini supaya segala maklumat mengenai mereka mudah untuk didapatkan.

SPRM melalui Bahagian Perundingan dan Pemeriksaan sentiasa membuka pintu kepada pihak-pihak yang memerlukan khidmat nasihat berkaitan sistem dan prosedur yang boleh membuka ruang kepada jenayah dan salah laku. Pihak-pihak yang terlibat dalam pengurusan ekspatriat ini juga boleh menjalankan kerjasama dengan bahagian ini bagi mengatasi kelemahan-kelemahan dalam sistem sedia ada.

Antara impian Malaysia dalam Wawasan 2020 yang diilhamkan oleh mantan Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr Mahathir bin Mohamad adalah untuk mencapai angka 30 juta rakyat. Angka yang kian hampir diperolehi. Namun persoalannya, adakah 27 juta rakyat Malaysia yang ada ini benar-benar orang Malaysia atau ...?

Jangan biarkan Malaysia dipenuhi dengan kebanjiran orang asing. Perhatian semua pihak diperlukan. Negara kita, tanggungjawab kita. ↗

# SPRM Syor Sekretariat Pelajar di Rusia

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menggalakkan penuntut Malaysia di luar negara menubuhkan Sekretariat Pencegahan Rasuah bagi meningkatkan kesedaran mengenai pentingnya menjauhi jenayah itu dalam kalangan generasi muda.

Syor ini dikemukakan oleh Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Abu Kassim bin Mohamed dalam pertemuan dengan wakil-wakil penuntut yang sedang mengikuti pengajian tinggi di Rusia, di ibu kota negara itu pada 30 Oktober 2015.

Menurut Tan Sri Abu Kassim, Sekretariat Pencegahan Rasuah boleh bertindak sebagai pusat informasi dan menganjurkan aktiviti pencegahan rasuah membabitkan penuntut Malaysia di luar negara.

“Saya yakin syor ini dapat direalisasikan kerana SPRM mahu generasi muda diberikan maklumat terkini dan yang sesuai mengenai usaha yang diambil oleh SPRM bagi memerangi rasuah dan mewujudkan persekitaran bebas rasuah,” kata beliau.

Cadangan ini disambut baik oleh wakil pelajar dan Kedutaan Malaysia di Rusia. Kini terdapat lebih kurang 2,000 pelajar Malaysia di Russia.

Tan Sri Abu Kassim yakin penuntut Malaysia di Rusia akan menjadi perintis dalam usaha ini.

Tan Sri Abu Kassim merupakan Naib Presiden International Association of Anti-Corruption Authorities (IAACA) berada di Moscow untuk menghadiri mesyuarat persatuan antarabangsa itu.



Dato' Sri Mustafar menyampaikan kenyataan Malaysia semasa CoSP6 di St. Petersburg, Rusia.

# CoSP6: SPRM Berkongsi Pengalaman, Jalin Kerjasama Dua Hala

Malaysia telah diberi penghormatan untuk menyampaikan ucapan dalam sesi '*General Discussion*' semasa Conference of State Parties for United Nation Convention Against Corruption Kali Keenam (CoSP6) yang diadakan mulai 2 hingga 6 November 2015 di St. Petersburg, Rusia.

Ucapan selama 10 minit disampaikan oleh Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPRM, Dato' Sri Mustafar bin Ali yang mewakili Malaysia. Dalam ucapannya, Dato' Sri Mustafar memaklumkan bahawa Malaysia menandatangani UNCAC pada 9 Disember 2003 dan diratifikasi pada 24 September 2008.

Malaysia juga telah melalui proses penilaian pematuhan ke atas Bab III dan IV UNCAC pada tahun 2012. Hasilnya, sebanyak 23 amalan baik Malaysia diiktiraf oleh UNODC.

Susulan penilaian tersebut juga, beberapa cadangan telah dikemukakan oleh pasukan penilai UNODC dan Malaysia kini dalam usaha mengambil tindakan ke atas cadangan-cadangan tersebut.

Antaranya, usaha meminda Akta SPRM 2009 dengan memasukkan peruntukan berkaitan liabiliti korporat dan '*misconduct in public office*'. Usaha memperkuatkannya SPRM dibuat dengan pembentukan Suruhanjaya Perkhidmatan Pegawai Pencegahan dan pelantikan Ketua Pesuruhjaya SPRM di bawah Perlembagaan Persekutuan.

Menurut beliau lagi, Kerajaan Malaysia amat komited dalam memberi bantuan teknikal kepada negara-negara anggota, selari dengan Artikel 60 UNCAC. Malaysia telah membantu negara anggota dalam melatih pegawai-pegawai penguasa undang-undang pencegahan rasuah di Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA).

Dalam persidangan kali ini, Malaysia turut dijemput untuk menjadi ahli panel dalam dua acara sampingan iaitu, forum '*Anti-Corruption in Small Island Developing States (SIDS): What Is There? And What Else is Needed?*' dan '*Tackling Corruption Through Public-Private Partnership in Southeast Asia*'.



# Konvensyen Sekretariat Pencegahan Rasuah Kali Kelima Lancar Penubuhan Majlis Eksekutif Sekretariat Pencegahan Rasuah (MESPR)

**K**onvensyen Sekretariat Pencegahan Rasuah (SPR) Kali Kelima merupakan salah satu agenda utama dalam Program Sekretariat Pencegahan Rasuah (SPR) yang dianjurkan oleh Bahagian Pendidikan Masyarakat, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Program peringkat kebangsaan ini diadakan pada 21 hingga 24 November 2015 di Kolej Kemahiran Tinggi Mara, Lenggong, Perak.

Objektif konvensyen ini adalah:

- Mendapatkan dan memelihara sokongan golongan pelajar yang merupakan belia negara dalam usaha memerangi rasuah supaya para pelajar bekerjasama dengan SPRM. Ini adalah selaras dengan dasar SPRM pada tahun ini iaitu ‘Merakyatkan SPRM’;
- Memberi pengetahuan dan pendidikan yang meluas kepada golongan pelajar agar mereka sedar bahawa tanggungjawab memerangi rasuah adalah tanggungjawab semua pihak;
- Memupuk dan mengukuh nilai murni di dalam diri bagi membentengi diri para pelajar daripada perkara negatif akibat arus permodenan dan globalisasi;
- Menjadikan para pelajar serta warga universiti / kampus sebagai masyarakat yang peka dan prihatin terhadap inisiatif pencegahan rasuah dan bersemangat untuk turut serta memerangi gejala rasuah; dan
- Memberi penerangan dan pemahaman yang lebih jelas kepada para pelajar berhubung fungsi dan peranan SPRM sebagai sebuah agensi yang menegakkan tuntutan agama dan agenda kerajaan Malaysia dalam memerangi jenayah rasuah dan mengukuhkan nilai-nilai murni.

Penganjuran program ini dibantu oleh beberapa agensi kerajaan dan juga badan bukan kerajaan (NGO) iaitu Institut Integriti Malaysia (IIM), Unit Integriti Majlis Amanah Rakyat (MARA), Alumni Sekretariat Pencegahan Rasuah (ASPeRa), Transparency International Malaysia (TI-M) dan Empowering Youth Endeavours (EYE).

Bagi memeriahkan konvensyen kali ini, beberapa acara menarik dijalankan antaranya:

1. Pembentangan Kertas Kerja 1 oleh Penyelaras Unit ICT Integriti IIM, Encik Meor Shahram Faiz bin Meor Shariman.
2. Majlis Perasmian Konvensyen SPR kali kelima dan Majlis Pelancaran Penubuhan Majlis Eksekutif Sekretariat Pencegahan Rasuah (MESPR) oleh Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pengurusan dan Profesionalisme), Dato' Jamidan bin Abdullah.
3. Pembentangan Kertas Kerja 2 oleh Timbalan Pengarah Bahagian Pendidikan Masyarakat, KPKPj Abdul Samat bin Kasah.
4. Forum Belia Pencetus Transformasi, Rasuah Dihindari yang menampilkan dua ahli panel iaitu Pengarah Bahagian Pendidikan Masyarakat SPRM, Dato' Shamshun Baharin bin Mohd Jamil dan Timbalan Pengetua Ko-kurikulum MRSM Lenggong, Encik Zulkifli bin Mohamad. Manakala PKPs Zamani bin Othman bertindak sebagai moderator forum.
5. *Team building* yang bertujuan menguji semangat kerjasama dan kesepakatan ahli-ahli SPR walaupun mereka ini mewakili universiti dan kolej yang berlainan.

Turut diadakan sesi penyampaian hadiah kepada pemenang Pertandingan *Public Service Announcement* (PSA). Tempat pertama dimenangi UniKL Malaysian Institute of Chemical & Bioengineering Technology (UniKL MICET), diikuti Kolej Mara Banting (tempat kedua) dan UniKL City Campus (tempat ketiga).

Secara keseluruhannya, konvensyen ini berjalan dengan lancar dan jayanya. Seramai 300 peserta hadir terdiri daripada pelajar-pelajar universiti, pegawai pengiring pelajar, pegawai-pegawai Unit Pendidikan Masyarakat SPRM Negeri dan tenaga pengajar.

Konvensyen ini diharap dapat mencapai matlamat utamanya iaitu meningkatkan pemahaman peserta-peserta mengenai rasuah, kesan, punca, cara mengatasi dan menyemai perasan benci kepada jenayah rasuah dan pelaku-pelakunya. 

# KONVENTSYEN SPRM PENUTUPTIRAI 2015

**K**onvensyen SPRM yang merupakan acara dwi tahunan bagi SPRM menjadi acara penutup tirai bagi tahun 2015. Bertemakan ‘Pemantapan Jati Diri dan Pengukuhan Organisasi’, konvensyen ini berlangsung daripada 2 hingga 5 Disember 2015 bertempat di Bukit Gambang Resort City.

Konvensyen SPRM kali ini dirasmikan oleh Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi), Dato’ Sri Shukri bin Abdull. Seramai 1,000 warga SPRM terlibat dalam konvensyen ini. Pelbagai program menarik dilaksanakan yang bertujuan membentuk modal insan yang cemerlang dan memupuk kesepakatan pegawai dan kakitangan SPRM.

Selain daripada program-program yang berunsur pembentukan modal insan, konvensyen pada kali ini turut diisi dengan aktiviti ‘team building’ yang menguji semangat berpasukan dan setia kawan yang tinggi.

Program yang berlangsung selama empat hari ini diakhiri dengan majlis penutup yang menyaksikan seluruh warga SPRM memeterai Penyataan Gambang sebagai sokongan kepada pengurusan tertinggi SPRM yang diterajui oleh Tan Sri Abu Kassim bin Mohamed. Selain itu, diadakan sesi penyampaian hadiah kepada pemenang-pemenang aktiviti ‘team building’. Pasukan Bebas yang diwakili oleh Pejabat Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi), Bahagian Siasatan dan Bahagian Perisikan menjadi juara keseluruhan bagi acara ‘team building’ dalam konvensyen tahun ini. ♦






## LENSA



Penyerahan sijil Penghargaan oleh Ketua Pesuruhjaya SPRM kepada Pengarah Bahagian Rekod dan Teknologi Maklumat semasa Hari Inovasi SPRM.



Dato' Sri Mustafar dijemput menjadi ahli panel dalam salah satu forum semasa Conference of States Parties Keenam, St. Petersburg, Rusia pada 24 Oktober 2015.



Diskusi ahli-ahli Panel Perundingan dan Pencegahan Rasuah (PPPR) bersama Ketua Menteri Sarawak semasa sesi kunjungan hormat pada 29 Oktober 2015.



Kesepakatan, jalinan perpaduan dan semangat cintakan organisasi berjaya dipupuk dalam Konvensyen SPRM 2015 di Gambang, Pahang.



Lawatan peserta-peserta program Pencetus Ummah (PU) ke ibu pejabat SPRM pada 13 November 2015.



macc.fm memulakan siaran secara rasmi pada 9 Disember 2015.



Antara yang mendapat perhatian dalam acara *team building* SPRM 2015, perlawanan bola tampar lelaki.



Majlis Tamat Latihan - Seni mempertahankan diri antara yang dipelajari oleh kadet dalam Kursus Asas Pegawai SPRM.



# WHO SHOULD BE BLAMED OVER POLITICAL FUNDING ISSUE?

by Walter Sandosam

**W**hat is wrong has to be put right. Those who flout the law should be punished to the full extent of the law. If the Malaysian legal framework is lacking in laws to bring to justice the accused, then appropriate laws should be introduced so that there is clarity on what constitutes an offence and what does not.

Without these basics, we will all be just blowing hot air when commenting on issues based on our self-defined norms of good conduct, morals and ethical behaviour which is acceptable in our Malaysian society.

Political funding has always been recognised as an avenue for corruption to thrive. Money politics is, after all, the mother of corruption which breeds its own spin-offs and which then permeates every echelon of society.

Sadly in Malaysia, notwithstanding the efforts of independent agencies namely the Malaysian Anti-Corruption Commission, the fight against corruption has become more challenging.

The lack of transparency and accountability when taken together are the most potent combination of toxic elements which go against the grains of good

governance in an increasingly corrupt world both from the perspectives of the electorate and civil society.

The recent announcement of the setting up of a committee to study the regulation of political funds has been met with much interest by various quarters - some in support and others who have greeted this initiative with much scepticism.

Issues of timing have been brought in as it follows hot on the heels of the revelation that a sizeable amount of funds had been given as a 'donation' to a party leader's personal account prior to the 2013 general election.

Timing aside, the crucial issue is whether or not such reform to the current funding landscape is a good initiative.

The legal question that is at the heart of the matter is whether any laws have been broken in a political entity soliciting and receiving 'donations' from a third party. The Bar Council opines that 'donations' can be classified as 'gratifications' and hence prosecutable under the MACC Act 2009.

This stance is but a legal opinion. There is a lack of clarity here with arguments on what constitutes

'gratification' and what does not. This is further aggravated if it is proved that the accused had used said funds for a greater cause and not for personal benefit.

Without transparency, one can't help but be suspicious of the origins of the money which enters the political arena. One is never sure whether the proceeds are from illicit and/or illegal activities.

The identity of the donor and the country of origin, if from an external source, also become part of the equation. The extent of influence that these unnamed donors can and will have on domestic politics adds further to the uncertainty.

Currently there is no legal framework on political financial disclosure. This is a fact. It has allowed for questionable inflows and all are suddenly aghast just because of the sums involved. If it were smaller, will we be so agitated?

Suddenly there are tales of webs of conspiracy and accusations of toppling elected leaders, so much so that we have forgotten what are the circumstances that has allowed such an unsatisfactory state of affairs to emerge.

Collectively we only have ourselves to blame as there is no law. If there is no law on political donations, then how can one be accused of breaking the law.

Ethics, morality and good governance should fall within a legal framework.

It is in this context that the initiative on funding reform has to be supported.

Transparency International Malaysia supports the move, commenting 'better late than never'.

The opposition as usual is disunited in this sphere. However, a major opposition component party has indicated that it will be discussing this within their own hierarchy before a stand is announced.

It has long been recognised that political funding is open to possible abuse and consequentially to feed corrupt activities on both sides of the political divide. What has happened to the virtuous manifestations on transparency and good governance? What were the challenges to more clarity?

Let not this golden opportunity pass us by again as it has been said that some years ago a similar initiative was proposed but did not get support from the opposition. This is a chance to get things on a more proper footing with a legislative framework to be in place before the next general election.

The Bar Council opines that this initiative will distract from the current focus on the RM2.6 billion issue.

Let's get real here. Are we so intellectually challenged that we are not able to focus on more than one issue at a time?

**"It has long been recognised that political funding is open to possible abuse and consequentially to feed corrupt activities on both sides of the political divide. What has happened to the virtuous manifestations on transparency and good governance? What were the challenges to more clarity?"**

One must take into cognizance that the Bar Council is currently undertaking initiatives to help make MACC more independent. This is commendable.

Lest one forget though, that at the end of the day, no matter how independent the investigators are, the right to prosecute lies solely with the Attorney-General. The Bar Council could look at the merits of this.

Surely we, as the *rakyat*, can multitask. If the government is hell bent on diverting focus away from current issues by 'indulging in side issues as a smokescreen' as claimed by certain quarters, surely it could devise other 'distractions' which are more attention grabbing. This opinion is shallow.

It would be even more pompous to claim that this viewpoint represents the views of a majority of Malaysians.

Pursue the RM2.6 billion issue to the end and with as much vigour as can be mustered. At the same time, one has to look to the future.

This reform initiative should be considered independently on its own merits. It needs to be given its due worth and recognition as 2018 is drawing near.

Political corruption did not occur overnight. It is a consequence of years of questionable behaviours from corrupt politicians. This is the most appropriate time for lawmakers to set the legal framework for political donations.

The show must go on with or without participation from opinionated quarters based on their perceptions of reality and what needs to be conditions precedent.

They have only themselves to blame if laws are crafted without their input. As in marriage vows they should forever hold their peace.

We must be able to separate the 'wood from the trees' and curb money politics.❸

---

\*Walter Sandosam is a member of Consultation and Corruption Prevention Panel of MACC.

# SPRM DAN PENDAKWAAN KES RASUAH

Oleh: Mohamad Tarmize bin Abdul Manaf

## Prinsip pembahagian kuasa

Masyarakat sering kali tersalah anggap bahawa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) boleh mendakwa mana-mana individu yang terlibat dalam jenayah rasuah. Hakikatnya, tidak begitu. Seperti kebanyakan negara lain, Malaysia mengamalkan prinsip pengasingan kuasa.

Perlembagaan Persekutuan sendiri menetapkan pembahagian kuasa antara eksekutif, perundangan (*legislative*), dan kehakiman (*judiciary*). Peranan SPMR adalah menjalankan siasatan manakala keputusan untuk menuduh atau tidak dibuat oleh Peguam Negara. Manakala keputusan sama ada tertuduh bersalah atau tidak akan ditentukan oleh mahkamah.

Prinsip Perlembagaan Persekutuan tidak membenarkan pihak yang menjalankan siasatan membuat keputusan sendiri untuk menuduh seseorang suspek di mahkamah. Dalam kes SPMR, setelah siasatan selesai, Kertas Siasatan akan dikemukakan kepada Bahagian Perundangan dan Pendakwaan SPMR untuk keputusan.

Kuasa pendakwaan terletak pada Peguam Negara selaras dengan Perkara 145(3) Perlembagaan Persekutuan yang menyebut, "Peguam Negara hendaklah mempunyai kuasa yang boleh dijalankan menurut budi bicaranya, untuk memulakan, menjalankan atau memberhentikan apa-apa prosiding bagi sesuatu kesalahan, selain prosiding di hadapan Mahkamah Syariah, Mahkamah Anak Negeri atau Mahkamah Tentera."

## Pendakwaan kes rasuah

Bahagian Perundangan dan Pendakwaan SPMR sentiasa memastikan kualiti kes-kes yang didakwa di mahkamah. Harus diingat bahawa bukan semua kes yang disiasat akan berakhir dengan pendakwaan di mahkamah.

Sesuatu maklumat akan dibuka Kertas Siasatan apabila ada asas mengenai sesuatu pelakuan rasuah itu telah berlaku. Kes yang selesai disiasat, suspek sama ada akan:

- didakwa di mahkamah;
- dikemukakan Laporan SPMR kepada jabatan (untuk tindakan tata tertib jabatan); atau
- tiada tindakan ke atas suspek kerana tiada keterangan/bukti.

Seseorang suspek akan didakwa di mahkamah apabila wujud keterangan dan bukti yang mencukupi hasil daripada siasatan yang dijalankan. Pendakwaan tidak akan dibuat akibat tekanan mana-mana pihak atau atas dasar 'dendam peribadi' terhadap suspek.

## Ada kes, tidak semestinya ada keterangan

"Mengapa si polan tidak dituduh di mahkamah? Ada kes tu." Itu antara kenyataan yang sering kedengaran apabila seseorang yang disiasat SPMR tidak didakwa di mahkamah.

Sebenarnya, terdapat perbezaan yang besar di antara 'ada kes' dan 'ada keterangan'. Tidak semestinya kes yang kita anggap 'ada kes', individu terbabit mesti dihadapkan ke mahkamah. Tetapi, kes yang mempunyai keterangan yang cukup, sudah pasti akan dituduh dan dibicarakan. Dengan kata lain, pendakwaan terhadap pelaku rasuah hanya akan dibuat apabila 'ada keterangan' yang kukuh mengenai jenayah yang dilakukan.

Contohnya, seorang pemandu lori yang memberi rasuah sebanyak RM100 kepada pegawai Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) bagi mengelakkan disaman, telah melaporkan perbuatan itu kepada SPMR. Dalam konteks ini, memang jelas 'ada kes' rasuah berlaku. Namun persoalannya, adakah dengan hanya bergantung kepada keterangan pemandu lori itu sudah mencukupi untuk mendakwa pegawai JPJ terbabit di mahkamah?

Untuk membuat pertuduhan, SPMR memerlukan keterangan dan bukti yang mencukupi. Keterangan dan bukti yang baik dalam kes rasuah adalah seperti saksi yang melihat transaksi rasuah, rakaman audio video, penemuan wang rasuah pada tertuduh, dokumen berkaitan transaksi rasuah dan sebagainya. Jika ini semua tiada, sekutu mana pun kita menganggap 'ada kes', amat sukar untuk pertuduhan dibuat, apatah lagi untuk menyabitkan tertuduh.

## Prestasi pendakwaan

Keberkesanan kes pendakwaan dapat dilihat menerusi sabitan kes-kes rasuah di mahkamah. Selepas tahun 2009, kadar sabitan kes-kes rasuah di mahkamah bicara meningkat dan berada pada tahap yang membanggakan.

Untuk perbandingan, kadar sabitan bagi tahun 2009 adalah 54% sahaja. Hasil pelbagai penambahbaikan kepada operasi SPMR, pada tahun 2010, kadar sabitan meningkat kepada 71% dan seterusnya tahun 2011 (75%), 2012 (85%), 2013 (84%) dan 2014 (78.3%).

Mengambil kira kompleksiti dan kesukaran dalam pendakwaan kes rasuah, kadar sabitan melebihi 75% boleh dianggap amat baik.

## Punca kekalahan kes rasuah di Mahkamah

SPRM tidak boleh memberi jaminan sabitan 100% bagi setiap kes yang dituduh di mahkamah. Kekalahan kes di mahkamah adalah sesuatu yang tidak dapat dielakkan. Beberapa punca kekalahan telah dikenal pasti, antaranya:

- Faktor kes rasuah itu sendiri** - Saksi kes rasuah berbeza dengan saksi bagi kes jenayah yang lain seperti bunuh, rogol, rompak dan sebagainya. Dalam kes bunuh atau rogol, saksi terdiri daripada mangsa atau keluarga mangsa yang benar-benar marah kepada pesalah. Oleh sebab itu, saksi berkenaan akan memberikan keterangannya yang paling baik di mahkamah bagi memastikan pesalah mendapat hukuman setimpal atas perbuatannya.

**"Keterangan dan bukti yang baik dalam kes rasuah adalah seperti saksi yang melihat transaksi rasuah, rakaman audio video, penemuan wang rasuah pada tertuduh, dokumen berkaitan transaksi rasuah dan sebagainya."**

Namun bagi kes rasuah, ‘tiada mangsa’ yang benar-benar menjadi mangsa kepada pesalah rasuah. Jenayah rasuah melibatkan dua pihak yang saling mendapat keuntungan daripada pelakuan rasuah tersebut (*win-win situation*). Contohnya, seorang anggota polis menahan seorang pendatang tanpa izin (PATI). Anggota polis berkenaan meminta wang rasuah sebagai balasan untuk tidak mengambil tindakan terhadap PATI.

Dalam kes ini, anggota polis adalah pihak yang mendapat faedah kerana menerima wang rasuah. Manakala PATI itu juga pihak yang mendapat faedah kerana tiada tindakan diambil terhadapnya.

Dalam kes permintaan atau penerimaan rasuah, kebanyakan pengadu adalah individu yang mula-mula melakukan perkara yang salah (jenayah) di sisi undang-undang dan seterusnya diminta wang rasuah oleh pegawai/anggota penjawat awam/penguat kuasa terbabit.

b. **Keterangan saksi tidak konsisten** - Oleh kerana saksi kes rasuah ini berbeza berbanding saksi bagi jenayah yang lain, maka keinginan saksi untuk menghukum penjenayah rasuah juga dilihat tidak begitu bersungguh-sungguh. Faktor ini seterusnya menjelaskan komitmen saksi-saksi berkenaan dalam memberikan keterangan semasa perbicaraan. Akibatnya, mereka cenderung memberi keterangan yang tidak konsisten dan seringkali berubah-ubah.

Keadaan yang sama berlaku apabila sesuatu kes mengambil masa yang lama untuk dibicarkan. Sehingga pada satu peringkat, saksi-saksi sudah hilang minat terhadap kes tersebut. Saksi juga boleh jadi tidak dapat mengingati dengan baik insiden yang berlaku berkaitan transaksi rasuah dan sebagainya.

Ada juga saksi yang berasa bersalah dan bersympati kepada orang yang dituduh (tertuduh). Secara sedar atau tidak sedar, mereka telah membantu tertuduh semasa memberi keterangan di mahkamah.

c. **Saksi berpaling tadah (*hostile witness*)** - Saksi dianggap ‘berpaling tadah’ apabila keterangan yang diberikan semasa di mahkamah adalah bercanggah dengan keterangan awal yang dibuat kepada pegawai SPRM semasa peringkat siasatan.

Selain saksi memberi keterangan yang bercanggah, saksi berpaling tadah atau sering disebut sebagai ‘*hostile witness*’ juga bermaksud saksi enggan bekerjasama semasa perbicaraan kes. Contohnya, saksi tidak hadir ke mahkamah, menghilangkan diri apabila dikehendaki memberi keterangan, enggan memberi keterangan dan sebagainya.

Kebanyakan saksi utama dalam kes rasuah adalah individu yang diminta untuk bekerjasama memberikan keterangan dan bukannya tampil secara sukarela. Mereka juga boleh dikategorikan sebagai ‘rakan sejenayah’.

Ada juga pengadu yang membuat aduan rasuah kerana berasa marah terhadap tertuduh. Contohnya, apabila tertuduh telah meminta wang rasuah lebih banyak daripada sepatutnya. Ataupun, setelah tertuduh menerima wang rasuah, balasan yang diharapkan tidak diperoleh. Maka aduan dibuat terhadap tindakan tertuduh.

Namun, lama-kelamaan perasaan marah itu semakin pudar dan diganti dengan perasaan kasihan terhadap tertuduh. Tambahan pula, apabila saksi dipujuk rayu oleh keluarga dan rakan-rakan tertuduh. Faktor kemanusiaan menyebabkan saksi enggan memberi kerjasama dalam perbicaraan.

Saksi-saksi kes rasuah juga kebanyakannya terdiri daripada ahli keluarga dan rakan-rakan yang mempunyai hubungan yang

**Kadar sabitan bagi tahun 2009 adalah 54% sahaja. Hasil pelbagai penambahbaikan kepada operasi SPRM, pada tahun 2010, kadar sabitan meningkat kepada 71% dan seterusnya tahun 2011 (75%), 2012 (85%), 2013 (84%) dan 2014 (78.3%).**

rapat dengan tertuduh. Oleh itu, saksi menjadi pihak yang amat berkepentingan dengan tertuduh. Saksi sebegini mempunyai potensi untuk berpaling tadah atau enggan bekerjasama yang amat tinggi dalam perbicaraan.

Kadang-kadang saksi juga adalah rakan sekerja, pegawai bawahan atau rakan perniagaan kepada tertuduh. Saksi mungkin berasa takut kerana keterangannya boleh mendarangkan implikasi negatif terhadap diri dan mata pencarinya. Ada juga kes di mana saksi memberi keterangan tidak benar di mahkamah akibat dipengaruhi atau diajar oleh penguambela tertuduh sendiri.

d. **Saksi hilang** - Terdapat banyak saksi kes rasuah adalah pendatang asing sama ada pendatang dengan izin ataupun pendatang tanpa izin (PATI). Contohnya, seorang PATI yang ditahan oleh pegawai Imigresen kerana tiada dokumen perjalanan yang sah. Pegawai Imigresen tersebut meminta wang rasuah untuk melepaskan PATI tersebut. Seterusnya PATI atau pihak ketiga (mungkin kawannya yang terdiri daripada pendatang yang sah) membuat aduan kepada SPRM. Kes sebegini banyak berlaku di bandar-bandar yang mempunyai ramai pendatang asing yang bekerja di restoran-restoran, sektor pembinaan, perlادangan atau perkilangan.

Bagi pendatang asing, sudah semestinya mereka akan pulang ke negara masing-masing. Sekiranya masih menetap di negara ini, selalunya mereka tidak mempunyai penempatan yang tetap di sesuatu tempat.

Ada juga kes di mana saksi warganegara Malaysia sendiri yang menghilangkan diri untuk mengelakkan daripada hadir ke Mahkamah. Contohnya, mereka keluar negara sama ada secara sah atau tidak sah.

### Tanggungjawab masyarakat

Masyarakat memainkan peranan penting dalam memastikan mereka yang melakukan rasuah dihukum. Peranan masyarakat bermula dengan membuat laporan berhubung sesuatu pelakuan rasuah. Seterusnya membantu dalam siasatan dan semasa kes dibicarkan di mahkamah.

Masyarakat juga tidak perlu gentar kerana SPRM akan sedaya upaya melindungi saksi dan pemberi maklumat. Perlindungan ini adalah seperti diperuntukan dalam Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 dan Akta Perlindungan Saksi 2009. Paling penting, pemberi maklumat dan saksi memaklumkan sebarang ancaman yang mereka terima kepada SPRM. Anda boleh lakukan perubahan, perangi rasuah! ☺

## BERITA NEGERI

# STRATEGI BASMI RASUAH SPRM TERIMA PUJIAN DARIPADA VIETNAM

**KUALA LUMPUR, 29 Oktober 2015** – Seramai 21 pegawai daripada Inspektorat Kerajaan Vietnam (GIV) yang terdiri daripada pelbagai pangkat menjalani kursus pencegahan rasuah di Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA).

Kursus selama empat hari ini memberi pendedahan kepada peserta mengenai inisiatif pencegahan rasuah di sektor swasta, pelaksanaan *integrity pact* (pakatan integriti), undang-undang berkaitan liabiliti korporat dan penubuhan Unit Integriti di agensi kerajaan dan swasta.

Semasa majlis penutup kursus, Timbalan Pusat Latihan Inspektor Vietnam, Truong Thi Kim Dung

berkata, beliau amat yakin kerjasama SPRM dan GIV dalam bidang-bidang ini akan membantu Vietnam memperbaiki sistem perundangan negara tersebut.

Beliau berharap latihan sebegini akan diteruskan pada masa akan datang dan lebih ramai lagi pegawai GIV berpeluang menjalani latihan ini.

Ketua Pusat Pengajian Antarabangsa MACA, PKPj Abdul Razak bin Hamzah dalam ucapannya pula berkata latihan dan jalinan kerjasama antara SPRM dan GIV ini merupakan salah satu usaha membanteras jenayah rasuah di peringkat global. ♦

## AHLI PARLIMEN BERSATU PERTAHAN SPRM

**KUALA LUMPUR, 2 Disember 2015** – Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) tidak perlu gentar dalam usaha memerangi rasuah kerana ahli-ahli Parlimen akan bersatu-padu mempertahankan organisasi tersebut, kata Pengerusi Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah (JKMR) Tan Sri Abu Zahar bin Ujang.

“Kita akan bersatu-padu mempertahankan SPRM supaya tindakan pegawai-pegawai SPRM tidak diragukan. Kita akan sentiasa bersama-sama kamu dan memberi sokongan yang sepenuhnya kepada kamu,” ujar Tan Sri Abu Zahar semasa Majlis Makan Malam Gala sempena Sambutan Ulang Tahun Ke-10 di Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA).

Beliau turut menasihatkan warga SPRM supaya melaksanakan mandat dan amanah dengan penuh tanggungjawab.

Dalam pada itu, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi), Dato’ Sri Shukri bin Abdull yang turut hadir dalam majlis berkenaan berkata, beliau meminta MACA terus berusaha untuk mendapatkan peruntukan yang lebih bagi memperbanyakkan lagi program-program latihan di MACA.

Pengarah MACA, Dato’ Abdul Wahab bin Abd Aziz mengucapkan terima kasih kepada ahli-ahli Parlimen yang sudi hadir pada majlis tersebut serta sokongan yang diberikan. Beliau dipetik berkata, “Manifestasi sokongan kepada MACA serta penglibatan ahli-ahli politik dan parlimen dalam inisiatif kami adalah satu petanda yang baik.”

Semasa majlis berkenaan, mantan Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pengurusan dan Profesionalisme), Dato’ Sri Zakaria bin Jaffar dianugerahkan ‘Fellow MACA’ dan beliau kini bertindak sebagai penasihat dan pakar rujuk kepada MACA. ♦



Tan Sri Abu Zahar dan Dato’ Sri Mohd Shukri bertukar-tukar cenderamata.

## BERITA NEGERI

### **TERENGGANU MAHU CAPAI 'ZERO TOLERANCE'**

**KUALA TERENGGANU, 22 November 2015** – Kerajaan Negeri Terengganu komited untuk mencapai ‘zero tolerance’ terhadap semua bentuk jenayah rasuah seperti memberi dan menerima suapan, penyelewengan dan salah guna jawatan/kedudukan.

Komitmen tersebut dinyatakan oleh Menteri Besar Terengganu, Dato’ Seri Ahmad Razif bin Abdul Rahman semasa berucap dalam Majlis Menandatangani Ikrar Interiti (CIP) Terengganu Incorporated Sdn. Bhd. dan Anak-anak Syarikat bersama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Beliau dipetik berkata, ikrar yang dilafazkan perlulah diterjemahkan kepada praktikal dan semua pihak perlu megambil serius mengenai hal ini termasuklah pengurus, ahli lembaga pengarah, ketua syarikat, pengurusan tertinggi dan warga kerja yang lain mestilah mengambil

bahagian dan memberi sumbangan kepada usaha menjayakan program.

SPRM amat menyambut baik inisiatif yang dilaksanakan oleh kerajaan negeri itu. Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPRM, Dato’ Sri Mustafar bin Ali dalam ucapan balasnya berkata, setiap organisasi atau jabatan awam hendaklah memastikan kepatuhan integriti dan tadbir urus yang baik dalam menjalankan urusan perniagaan serta memberi perkhidmatan kepada masyarakat.

“SPRM dengan tangan terbuka sedia membantu mana-mana badan berkanun dan korporat, agensi, institusi, syarikat dan sebagainya dalam pelaksanaan tadbir urus yang baik.”

“Tadbir urus yang baik dan nilai integriti yang tinggi merupakan aspek penting yang berjalan seiring dalam memastikan kejayaan sesebuah organisasi.”

TISB merupakan organisasi kelima di Terengganu yang menandatangani CIP. Bermula dari tahun 2013 sebanyak empat organisasi di Terengganu telah menandatangani CIP termasuk Pejabat Setiausaha Kerajaan Terengganu, Majlis Perbandaran Kuala Terengganu, Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH) dan Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (PMINT). ♦

### **MOU PEMBANGUNAN SISTEM PELAPORAN DAN KNOWLEDGE PORTAL UNIT INTEGRITI AGENSI BERSAMA MAMPU**

**PUTRAJAYA, 27 November 2015** – Bahagian Pengurusan Integriti Agensi (BPIA) SPRM berkolaborasi dengan Bahagian Perundingan ICT MAMPU dalam membangunkan sistem pelaporan dan ‘knowledge portal’ bagi 887 agensi yang telah menubuhkan Unit Integriti (UI) di seluruh negara.

Portal ini diwujudkan sebagai satu medium bagi perkongsian maklumat dan perbincangan mengenai masalah-masalah yang dihadapi oleh pegawai-pegawai UI dan isu-isu berkaitan integriti.

Pengarah BPIA, Dato’ Norazlan bin Mohd Razali berkata sistem pelaporan berbentuk data dan laporan analisa secara terperinci bakal diwujudkan melalui usahasama ini.

“Dari segi penggunaan, sistem ini sangat efektif dan mesra pengguna kepada pegawai. Ia juga dapat

membantu pegawai semasa membuat laporan dengan cepat dan analisa yang dihasilkan adalah lebih tepat.

Khidmat pembangunan sistem ini dihasilkan oleh pasukan *subject matter expert* (SME) daripada Bahagian Pengurusan Rekod dan Teknologi Maklumat (BPRTM) SPRM, Bahagian Urus Tadbir Sektor Awam (BUTSA) SPRM, dan Bahagian Interiti dan Tadbir Urus (BITU), Jabatan Perdana Menteri (JPM).

Majlis Menandatangani Piagam Projek Khidmat Perundingan Pembangunan Sistem Pelaporan dan *Knowledge Portal* Unit Integriti Agensi diwakili oleh Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPRM, Dato’ Sri Mustafar bin Ali dan Timbalan Ketua Pengarah ICT MAMPU, Dr. Suhazimah binti Dzazali. Majlis ini disaksikan oleh Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Abu Kassim bin Mohamed dan Ketua Pengarah MAMPU, Dato’ Sri Zainal Rahim bin Seman. ♦

**It is better  
to give  
than receive...**



**BUT**

**NO to both  
when it comes to  
BRIBERY**



**GIVING OR ACCEPTING BRIBES  
IS AN OFFENCE (MACC ACT 2009)**



E-mail : [info@sprm.gov.my](mailto:info@sprm.gov.my)  
Web : [www.sprm.gov.my](http://www.sprm.gov.my)  
SMS : 019 6000 696  
Toll Free : 1 800 88 6000

**You  
Can Make A Difference  
FIGHT  
Corruption**